



# KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>

## NOTIS MAKLUMAN

### PEMBUKAAN SEMULA OPERASI PEJABAT KOPERKASA

Kepada,  
Semua Anggota yang dihormati

Selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan Perintah Pergerakan Kawalan Bersyarat (PKPB) sehingga 9 Jun 2020, maka **operasi di Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan akan dibuka semula mulai hari Khamis, 14 Mei 2020. Masa operasi adalah daripada jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang manakala urusan di kaunter dihadkan kepada jam 9.30 pagi hingga 1.00 tengahari sahaja.**

Anggota tidak digalakan berkunjung ke pejabat Koperkasa, segala urusan boleh dibuat melalui panggilan telefon. Cuma jika betul-betul perlu berkunjung ke pejabat, Anggota yang datang berurusan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

1. Diwajibkan memakai facemask.
2. Hanya 10 orang sahaja dibenarkan memasuki pejabat (Lobi Aras 1) manakala hanya 4 orang dibenarkan memasuki Kedai Ar-Rahnu pada satu-satu masa.
3. Anggota/pelanggan tidak dibenarkan memasuki pejabat/Kedai Ar-Rahnu sekiranya suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius dan ke atas.
4. Penjarakan sosial juga perlu dipatuhi.
5. Segala butiran tuan/puan (Nama, No Kad Pengenalan, No Telefon Bimbit) perlu diisi dalam borang khas yang disediakan.

Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disediakan adalah untuk memastikan aspek kesihatan diutamakan dan terjamin dalam persekitaran di mana penularan wabak COVID-19 masih belum pulih sepenuhnya.

Sehubungan dengan itu, pihak Koperkasa berharap tuan/puan dapat memberi kerjasama dan mengikut arahan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Keprihatinan tuan/puan amat dihargai.

Untuk sebarang pertanyaan, sila emel ke [general@koperkasa.com.my](mailto:general@koperkasa.com.my)

Sekian, harap maklum.

**“Kesetiaan Anggota, Keteguhan Koperasi”**

Pengurusan  
Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad  
Tarikh: 12 Mei 2020